

# UPM hasil 1,800 harta intelek

**Serdang:** Lebih 1,800 harta intelek (IP) mencakupi pelbagai teknologi dan kemudahan dihasilkan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam tempoh 15 tahun sejak 2001.

Pengarah Putra Science Park UPM, Prof Madya Dr Samsilah Roslan (**gambar**), berkata daripada jumlah itu, lebih 800 IP melepasi kriteria dan sistem perakuan untuk dipatenkan.

Beliau berkata, kemajuan di-

tempa UPM dalam penyelidikan turut diterjemahkan menerusi kadar pengkomersialan, iaitu membabitkan 109 daripada 1,800 teknologi untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa dan tempatan.

## Pencapaian antarabangsa

"Kadar penembusan pasaran oleh teknologi dihasilkan penyelidik UPM adalah antara 20 hingga 30 peratus, sekali gus mem-



buktikan ia melangkaui sasaran pencapaian antarabangsa.

"Setakat ini, kita memperoleh kerjasama menggalakkan daripada penggerak industri kerana lebih 30 teknologi dilesenkan menerusi perjanjian usaha sama

yang ditandatangani kedua-dua pihak setakat tahun lalu.

"Ia adalah lonjakan pencapaian hasil transformasi pendekatan penyelidik yang ketika ini lebih cenderung dalam penghasilan teknologi baharu, berbanding konvensional," katanya pada sidang media selepas menghadiri Hari Terbuka Inovasi UPM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Datuk Dr Abdul Jalil Nordin dan Timbalan Dekan (Inovasi dan Pengantarabangsaan) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof Dr Zamberi Sekawi.

## Cecah RM52 juta

Samsilah berkata, nilai jualan kasar teknologi yang dipasarkan pe-

nyelidik UPM kepada penggerak industri dalam tempoh sama mencecah RM52 juta.

Bagaimanapun, katanya, nilai IP yang belum dikomersialkan di pasaran sukar ditentukan kerana ia perlu diterokai dan diterima penggerak industri.

"Justeru, kita perlu bekerjasama dengan penggerak industri dan pihak yang mempunyai kerangka inovatif untuk menceburi perniagaan berteraskan inovasi kerana ia menjanjikan pulangan lumayan.

"Usaha mengkomersialkan IP dihasilkan penyelidik universiti adalah amat mencabar kerana ia teknologi baharu, sekali gus memerlukan pendekatan yang bertepatan dengan kehendak penggerak industri," katanya.